



Indeks keislaman bagi Pulau Pangkor, Malaysia

Rosmadi Fauzi¹, Rohana Jani², Zakaria Mat Arof³, Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah¹

¹Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, ²Jabatan Statistik Gunaan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, ³Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Perlis

Correspondence: Rosmadi Fauzi (email: rosmadifauzi@um.edu.my)

Abstrak

Bagi penganut Islam, dalam usaha meningkatkan tahap kualiti hidup penduduk terdapat satu aspek paling utama yang boleh menjadi pemungkin kepada tingginya kualiti hidup atau sebaliknya iaitu kesedaran atau kepatuhan kepada agama Islam kerana makna Islam itu bagi mereka adalah cara hidup yang sempurna. Oleh yang demikian, kajian ini melihat indeks keislaman atau tahap kepatuhan dan kefahaman penduduk terhadap agama Islam. Kajian indeks keislaman ini menggunakan aplikasi GIS. Hasil pemetaan GIS menunjukkan taburan kepatuhan Islam yang berbeza-beza, daripada rendah dan sederhana rendah kepada sederhana dan sederhana tinggi. Dapatkan ini bukan sajalah menyumbang kepada pemahaman yang lebih rapi mengenai keadaan kepatuhan keislaman di Pulau Pangkor tetapi juga implikasi dasar dari pemahaman tersebut.

Katakunci: aplikasi GIS, Indeks keislaman, kualiti hidup, pemetaan GIS, tahap kepatuhan Islam, taburan kepatuhan Islam

Islamic Index for Malaysia's Pangkor Island

Abstract

For Muslims a set of indicators denoting the actual level of Islamic adherence in their vicinity is both useful and meaningful. As Islam is deemed by them as a way of life, the more comprehensive this set of Islamic Index is the better. This study signified an attempt at constructing the Islamic Index for the population of the Pangkor Island using GIS applications. The resulting maps showed the distribution of Islamic adherence in the Island ranging from low and moderately low to moderate and moderately high indices. Such findings may not just contribute to better understanding of the state of Islamic adherence in the Island but also the policy implications of that understanding.

Keywords: distribution of Islamic adherence, GIS application, GIS mapping, Islamic index, level of Islamic adherence, quality of life

Pengenalan

Kajian berkenaan kehidupan masyarakat atau demografi penduduk adalah satu kajian yang sangat penting dalam memahami daya tampung arus globalisasi masa kini. Ini kerana masyarakat merupakan subjek atau entiti yang menerima kesan utama dalam setiap perubahan persekitaran. Kajian berkenaan masyarakat ini telah lama dilaksanakan dan terdiri daripada pelbagai istilah. Asas utama kajian ini adalah untuk melihat

kesan ke atas masyarakat dan bagaimana masyarakat mengadaptasi sesuatu perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Istilah yang lazim digunakan dalam kajian-kajian terdahulu adalah kesejahteraan hidup, kualiti hidup, kelestarian masyarakat, pembangunan lestari, pembangunan mapan dan sebagainya. Malah Laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999) menerangkan bahawa konsep kualiti hidup merangkumi semua aspek kehidupan iaitu kualiti hidup merangkumi kemajuan diri, cara hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk memperolehi pengetahuan, taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara. Kajian ini secara kasarnya hanya menekankan aspek-aspek kebendaan dan persepsi masyarakat sahaja. Namun terlalu kurang kajian yang melihat dari perspektif kerohanian.

Kerohanian atau spiritual ini adalah merujuk kepada agama khususnya agama Islam. Ini kerana Islam sendiri membawa makna cara hidup yang sempurna. Hakikatnya manusia yang mempunyai kecerdasan dari segi kerohanian hidup adalah dalam keadaan yang tenang dan bahagia. Bahkan kehidupan mereka lebih tersusun menyebabkan mereka redha dengan apa jua yang telah diaturkan oleh Allah SWT di samping usaha yang berterusan dalam diri (Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, 2013). Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa kajian kualiti hidup adalah lebih berkesan untuk dikaji dengan mengambil kira aspek kepatuhan dalam agama.

Aspek kepatuhan agama ini juga mengambil kira semua peringkat umur bermula dari akil baligh, dewasa dan tua. Agama seperti yang dinyatakan oleh Fauziah Ibrahim et al (2012) memainkan peranan yang penting sebagai panduan kehidupan manusia termasuklah golongan remaja yang sering berhadapan dengan dilema dalam mencari identiti diri. Justeru itu adalah lebih tepat untuk mengukur kualiti hidup masyarakat itu melalui pendekatan agama.

Melalui kajian ini satu kajian kualiti hidup dilihat dari aspek agama iaitu dengan mengukur indeks keislaman penduduk. Kajian ini dijalankan ke atas penduduk yang beragama Islam di Pulau Pangkor. Pulau Pangkor merupakan lokasi kajian kerana ianya mempunyai ciri-ciri lokasi yang amat sesuai disebabkan oleh keterhubungannya dengan dunia di tanah besar adalah terbatas. Pulau Pangkor adalah sebuah pulau pelancongan yang terkenal di kalangan pelancong tempatan mahupun pelancong luar. Ini kerana ciri-ciri fizikal dan keaslian suasana pulau di sini masih berada dalam keadaan asal. Meskipun pihak kerajaan memainkan peranan dalam menyediakan pembangunan di pulau ini, namun begitu ciri-ciri pantai yang semulajadi masih dikekalkan.

Sebagai sebuah pulau yang dikategorikan hampir dengan pusat bandaraya Kuala Lumpur, maka meskipun saiz dan kemudahan yang kurang lengkap, namun ketibaan pelancong adalah semakin bertambah pada setiap tahun. Ini kerana majoriti besar pelancong yang datang ke pulau ini adalah bertujuan untuk merehatkan diri dari kepenatan pembangunan di bandar. Justeru itu pulau ini menjadi di antara pilihan utama pelancong untuk bercuti pada hujung minggu mahupun pada musim cuti persekolahan. Kedatangan pelancong yang semakin meningkat ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi penduduk di pulau ini. Oleh yang demikian, faktor-faktor campur tangan luar dapat dilihat lebih jelas melalui pengaruh atau kesan secara tidak langsung pelancong kepada penduduk terutamanya golongan muda.


Kajian yang mengambil kira pada populasi yang kecil juga adalah sangat penting. Ini kerana kajian yang dijalankan pada skala kecil, jarang ditampilkan walaupun setiap perancangan pembangunan bermula dan dilaksanakan di peringkat pentadbiran terkecil (ElsaSereke Tesfazghi et al, 2009). Kajian pada populasi kecil ini secara tidak langsung dapat menggambarkan keseluruhan penduduk dengan lebih jelas. Oleh itu, kajian ini melihat sejauh mana tahap kepatuhan agama Islam atau melihat indeks keislaman penduduk di Pulau Pangkor. Dengan mengetahui tahap indeks keislaman, maka secara tidak langsung dapat mengetahui tahap kualiti hidup penduduk di pulau ini. Ini kerana kualiti hidup dan indeks keislaman adalah saling berkaitan.

Konsep asas keislaman

Konsep asas keislaman merujuk kepada asas yang terdapat di dalam agama Islam. Konsep asas ini terbahagi kepada tiga iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Ketiga-tiga elemen ini membentuk mukmin yang sejati. Bahkan konsep asas ini menepati makna bahawa Islam sebagai Ad-Din iaitu cara hidup yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan ianya merupakan suatu yang khusus terdapat di dalam Al Quran. Agama Islam ini merupakan agama yang syummul yakni menyuluh sehingga melibatkan semua aspek berkaitan di dunia dan di akhirat. Konsep asas keislaman ini dirujuk dari konsep asas Islam yang disediakan oleh Fahrul Irfan Ishak (t.t).

Islam, Iman dan Ihsan

Terdapat tiga komponen yang menjadi asas dalam Islam yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia yang terkandung didalamnya ibadah yang menjadi tujuan hidup manusia. Komponen tersebut adalah Iman, Islam dan Ihsan (Mohd Nasir Masron et. al, 2013). Komponen-komponen ini, Iman Islam dan Ihsan (Rajah 1) merupakan keperibadian seorang mukmin yang sejati. Ketiga-tiga komponen menjadi indikator yang sangat kuat dalam melihat tahap kepatuhan penduduk Islam terhadap agama Islam.



Rajah 1. Iman, Islam dan Ihsan

a. Islam

Islam dari segi bahasa adalah sejahtera, selamat, sentosa dan kedamaian, taat dan patuh. Manakala dari segi istilah syarak pula patuh dan menyerahkan diri kepada Allah SWT dengan penuh kesedaran dan kerelaan tanpa paksaan. Islam ini juga terkandung di dalamnya peraturan hidup yang mengatur cara hidup manusia sebagaimana yang disampaikan baginda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam. Ini bermakna Islam ini adalah agama dari Allah SWT dan bukannya yang direka atau dicipta oleh manusia.

Terdapat rukun yang digariskan iaitu Rukun Islam. Rukun Islam ini adalah pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad adalah Rasulullah sallallahu alaihi wassalam, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan mengerjakan haji bagi yang mampu.

b. Iman

Iman pula dari segi bahasa membawa makna kepercayaan, ketenangan, keamanan, tiada rasa takut, mempercayai Allah SWT dan rasul. Dari segi syarak pula membawa makna kepercayaan dengan penuh keyakinan terhadap Allah SWT dan rukun iman yang lain. Kepercayaan mutlak ini mengandungi tiga unsur iaitu berikrar dengan lidah, tasdiq dengan hati, dan amal dengan anggota.

Rukun Iman ini terdiri daripada enam perkara iaitu beriman kepada Allah SWT, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul-rasul, beriman kepada hari kiamat, dan beriman

kepada qada' dan qadar. Untuk mengukur tahap keimanan seseorang individu adalah satu perkara yang sukar atau mustahil. Namun begitu, melalui pengukuran boleh dilaksanakan dengan melihat secara proksi melalui amalan atau perbuatan yang dilaksanakan terhadap rukun iman.


c. Ihsan

Ihsan dari segi bahasa adalah berbuat baik, manakala dari segi syarak adalah menyempurnakan ibadah atas wajah yang paling baik serta menunaikannya menurut garisan agama Islam yang suci. Pelaksanaan ihsan ini adalah perbuatan ikhlas yang datang dari hati setelah memaknai islam dan iman terlebih dahulu.

Dalam berbuat ihsan, agama Islam turut memberi panduan dalam bersifat ihsan iaitu dengan melaksanakan ibadat seolah-olah kita melihat Nya iaitu dalam melahirkan kekhusyu'an, tawaddu' yakni menghadirkan diri dan merendah diri. Namun sekiranya tidak berjaya maka, kita dikehendaki yakin bahawa Allah SWT tetap melihat kita dan segala perbuatan kita serta niat di dalam hati kita. Ini bagi melahirkan keikhlasan dalam hati serta mencegah segala kemungkaran.

Islam sebagai Ad-Din

Islam sebagai Ad-Din bermaksud Islam adalah satu-satunya cara hidup yg diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai panduan hidup di atas muka bumi ini dalam memperolehi hakikat kehidupan yang sebenar di akhirat kelak. Cara hidup yang digariskan ini mencakupi semua aspek kehidupan iaitu di dalam asas-asas Islam (Rajah 2). Aspek kehidupan ini termasuklah kebendaan dan spiritual seperti isu identiti, keluarga, kemasyarakatan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran negara, hubungan diplomatik dan sebagainya.



Rajah 2. Asas-asas Islam

Hanya Islam Ad-Din sahaja yang diterima Allah SWT. Di dalam firman Allah SWT, surah Al-Maidah, ayat 3, membawa maksud : "Pada hari Ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-ridhai Islam itu sebagai agama bagimu". Ini secara jelas menyatakan bahawa Islam merupakan sistem yang sempurna dan Islam ini sendiri hakikatnya telah disampaikan sejak dari turunnya Nabi Adam alaihis salam sehingga Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam.

a. Akidah

Akidah dari segi bahasa membawa maksud simpulan, aqad dan i'tiqad. Manakala dari segi syarak membawa maksud simpulan yang tetap atau kepercayaan yang kukuh dalam diri manusia yang berkaitan dengan ketuhanan dan kepercayaan agama. Secara ringkas terdapat tiga elemen di dalam akidah iaitu Rububiyyah , Uluhiyyah, Asma' Wa Sifat.

Beriman kepada tauhid Rububiyyah bererti mempercayai Allah SWT sebagai Rab atau Pencipta dan Penguasa seluruh alam. Ini juga bererti mengimani bahawa tidak ada saingen dalam pemerintahanNya, Allah SWT adalah pemberi segala sesuatu dan tidak ada sesiapa yang dapat melakukan sesuatu kebaikan atau keburukan melainkan dengan keizinanNya.

Persaksian terhadap Rububiyyah Allah SWT menuntut manusia untuk beriman kepada tauhid Uluhiyyah melalui ibadat dalam ertiNya yang sebenar, iaitu setiap perbuatan zahir dan batin yang dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Oleh itu maksud tauhid Uluhiyyah ialah mentauhidkan Allah SWT dari segi ubudiyyah iaitu di dalam ibadat. Ini bererti kita beri'tiqad bahawa Allah SWT berhak disembah, dicintai, dipatuhi dan segala percakapan, perbuatan dan tingkah laku adalah mentauhidkan Allah SWT.

Tauhid Asma' wa Sifat pula adalah meyakini dan memahami akan nama-nama Allah SWT serta sifatNya yang luhur dan tinggi. Nama-nama dan sifat-sifatNya itulah yang merupakan perantara yang digunakan oleh Allah SWT agar makhlukNya itu dapat berma'rifat padaNya. Menghafal nama-nama yang baik-baik itu maksudnya ialah mengingatiNya, menghadirkan makna dan ertiNya dalam hati serta merasakan bekasnya dalam jiwa.

b. Syariah

Syariah merupakan asas Islam kedua iaitu perundangan atau peraturan-peraturan dan tatacara mengerjakan ibadah dalam Islam. Syariah ini merangkumi semua aspek kegiatan hidup yang terbahagi kepada Ibadat, Mu'amalat, Munakahat dan Jenayah.

Ibadat adalah segala yang dilakukan manusia adalah ibadah. Ruang lingkup ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah umum dan ibadah khusus. Ibadah umum adalah yang tidak ditentukan sifat, syarat dan peraturannya dalam al-Quran dan Sunnah iaitu makan, minum, tidur, pergerakan dan sebagainya. Manakala ibadah khusus pula yang ditentukan syarat serta peraturannya dalam al-Quran dan Sunnah seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya.

Mu'amalat atau hubungan sosial ini meliputi kegiatan hidup dalam beberapa bidang seperti sosial, politik, falsafah, ekonomi, kesenian serta pendidikan. Munakahat pula menjurus kepada perkahwinan iaitu meliputi hukum-hakam yang berkaitan dengan pembentukan keluarga yang bahagia, pertunangan, pernikahan, tanggungjawab dalam keluarga, perceraian, poligami dan sebagainya.

Manakala yang terakhir adalah jenayah iaitu undang-undang jenayah yang meliputi hukum-hakam yang berkaitan dengan undang-undang untuk mengawal perbuatan jenayah dalam sesebuah negara. Undang-undang ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu hudud, ta'zir dan qisas. Hudud adalah kesalahan dan jenayah tertentu sahaja di mana hukuman ini berkaitan dengan hak Allah ke atas manusia. Kesalahan tersebut adalah zina, menuduh zina, mencuri, merompak, minum arak, murtad dan memberontak kepada pemerintah yang adil. Qisas adalah hukuman yang berkaitan dengan kesalahan membunuh dengan balas bunuh, cedera dengan balas cedera. Di mana kesalahan ini berkaitan dengan hak Allah SWT dan manusia dengan manusia. Sekiranya manusia itu memaafkan, maka hukuman kifarat akan dikenakan. Hukuman ini adalah untuk menjaga hak manusia sesama manusia. Ta'azir pula adalah hukuman selain daripada kesalahan hudud dan qisas. Hukuman ini merangkumi hukuman penjara, denda, buang negeri, dicela dan sebagainya. Hukuman ini bergantung kepada keputusan hakim yang dilantik pemerintah dan tiada perincian secara jelas daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

c. Akhlak

Imam Al-Ghazali menjelaskan bahawa akhlak merupakan gambaran atau pemerihalan mengenai keadaan atau suasana dalam jiwa manusia yang sudah berada pada tahap kukuh dan sebatи. Berdasarkan keadaan yang sudah sebatи tersebut muncul perbuatan atau perlakuan secara mudah dan senang, tanpa pelaku berkenaan perlu berfikir dan membuat apa-apa pertimbangan lagi. Akhlak dipandu oleh sistem nilai iaitu suatu sistem untuk menilai tingkahlaku manusia berdasarkan hukum nilai yang ditetapkan oleh Allah

SWT. Sistem nilai ini serba tetap serta mutlak dan bersifat sejagat. Sistem nilai Islam ini adalah wajib/fardu, sunat, mubah/harus, makruh dan haram.

Kajian indeks keislaman

Kajian indeks keislaman merupakan satu bentuk kajian yang telah lama dijalankan terutamanya di luar negara. Kajian ini dijalankan lazimnya adalah untuk mengukur indeks keislaman berkaitan dengan ekonomi. Namun begitu terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengukur sejauh mana kepatuhan sesuatu komuniti masyarakat terhadap agama. Di dalam bab ini diterangkan berkenaan kajian - kajian yang telah dijalankan di dalam dan diluar negara serta indikator yang digunakan dalam membentuk indeks.

Kajian indeks keislaman luar negara

Kajian indeks keislaman di luar negara lazimnya adalah kajian yang mengukur indeks keislaman pada peringkat negara. Namun terdapat juga kajian yang mengukur indeks keislaman di antara negara-negara. Salah satu kajian yang terkenal adalah ‘Sejauh mana negara Islam adalah Islamik’ (Scheherazade & Hossein Askari, 2010). Kajian ini menjadi satu isu yang sensitif di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa negara Islam kurang mengamalkan ciri-ciri Islamik dan berada di kedudukan paling tinggi adalah di tangga ke-38 daripada 208 negara di dunia.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa tentangan terhadap kajian tersebut apabila indikator yang digunakan adalah bersifat universal iaitu diasaskan oleh 4 item pengukuran seperti pencapaian ekonomi, pentadbiran, hak asasi manusia, politik dan hubungan antarabangsa sesebuah negara (Abdul Manaf Bohari, 2014). Tambahnya lagi Abdul Manaf Bohari (2014) menegaskan bahawa dari segi falsafah, nilai universal merujuk kepada nilai sejagat seperti keharmonian masyarakat, kemajuan sosioekonomi dan kecekapan pengurusan yang bukan sahaja terdapat dalam ajaran Islam malahan juga dalam ajaran agama lain seperti Kristian, Hindu, Buddha termasuk Yahudi. Dengan menganggap nilai universal sebagai nilai Islam sepertimana dalam kajian ini sudah tentu menimbulkan bias yang begitu ketara.

Hakikatnya, ukuran keislaman seharusnya berpaksikan kepada prinsip dan teras utama al-Quran misalnya mentauhidkan Allah SWT, berpegang kepada al-Quran dan Sunnah, berpuasa, amalan-amalan sunat dan sebagainya. Walhal aspek ini tidak disentuh dalam nilai universal tersebut. Indeks keislaman dari perspektif ekonomi juga antara kajian yang giat dijalankan dalam melihat tahap kepatuhan syariat dalam perbankkan seperti kajian yang dijalankan oleh Erdhina Putri Riyanti dan Endang Kiswara (2014) dan Scheherazade & Hossein Askari (2010).

Kajian indeks keislaman dalam negara

Kajian indeks keislaman dalam negara banyak tertumpu di dalam skop yang lebih kecil iaitu sesuatu komuniti atau golongan masyarakat. Di antara kajian yang terbaru adalah Indeks Pembangunan Ummah (Fadilah, 2014). Indeks Pembangunan Ummah ini mengukur kemajuan dan kemampuan umat Islam di Malaysia bukan sahaja dari sudut ekonomi malah merangkumi sudut ruhi dan sosial. Selain itu terdapat juga kajian yang melihat tahap kepatuhan agama dalam konteks warga tua dan remaja iaitu Wan Ibrahim Wan Ahmad et.al (2012), Khaidzir (2012), Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2013) serta Fauziah Ibrahim et. al (2012).

Kajian-kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk melihat sejauh mana pengamalan keislaman memberi kesan ke atas kehidupan masyarakat. Melalui kajian yang dilaksanakan juga, penulis mendapat pembentukan akhlak remaja yang terbaik boleh dijayakan dengan sangat cemerlang melalui pendekatan agama. Selain itu kajian sebegini mampu membawa usul penyelesaian masalah yang lebih besar termasuklah pembangunan, ekonomi serta isu kemasyarakatan.

Indikator indeks keislaman

Pembentukkan indikator bagi kajian indeks keislaman adalah satu kaedah yang sangat penting. Diakui sememangnya merupakan satu perkara yang agak sukar untuk mengukur indeks yang agak subjektif seperti keimanan dan keikhlasan seseorang. Namun sekurang-kurangnya pengukuran dijalankan dengan menggunakan indikator (Fadilah, 2014). Dalam konteks indeks keislaman indikator yang dipilih seharusnya berlandaskan ciri-ciri yang telah digariskan dalam Islam. Ukuran keislaman seharusnya berpaksikan kepada prinsip dan teras utama Al-Quran. Misalnya nilai teras dalam Al-Quran secara khusus merujuk kepada mentauhidkan Allah SWT, berpegang kepada Al-Quran dan sunnah, berpuasa, amalan-amalan sunat dan sebagainya (Abdul Manaf, 2014). Maka dengan menggunakan pendekatan yang berlandaskan Islam, dapatan kajian adalah lebih tepat.

Menurut Scheherazade dan Hossein Askari (2010), indeks negara Islam yang dibentuk dipecahkan kepada empat item dan setiap item itu mempunyai indikator tersendiri. Empat item tersebut adalah Ekonomi (Jadual 1), Pentadbiran (Jadual 2), Hak Asasi Manusia dan Politik (Jadual 3) dan Perhubungan Antarabangsa (Jadual 4).

Jadual 1. Indikator ekonomi negara Islamik

| AREA | SUB-CATEGORY ¹⁸ |
|------|--|
| A | ECONOMIC OPPORTUNITY AND ECONOMIC FREEDOM A) Gender Equality Indicators B) Other Non-discriminatory Indicators C) Labor Market Indicators D) Ease of Doing Business Indicators E) Economic Freedom Indicators F) Business and Market Freedom Indicator |
| B | PROPERTY RIGHTS AND THE SANCTITY OF CONTRACTS A) Property and Contract Rights |
| C | JOB CREATION AND EQUAL ACCESS TO EMPLOYMENT A) Equal employment and Job Creation |
| D | EQUAL ACCESS TO EDUCATION A) Education Index Indicator B) Education Public Expenditures Indicator C) Education Equality Indicator D) Education Effectiveness Indicator |
| E | POVERTY, AID AND BASIC HUMAN NEED A) Poverty Effectiveness Indicator B) Provision of Healthcare Indicators C) Alms/Charity Indicator |
| F | ECONOMIC EQUITY N/A/I] |
| G | TAXATION AND SOCIAL WELFARE A) Fiscal Freedom Indicator B) Tax Level Indicator C) Taxation Level Indicator D) Freedom From Government Indicator |
| H | MANAGEMENT OF NATURAL AND DEPLETABLE RESOURCES A) Quality of Economic Spending B) Savings Indicator |
| I | CORRUPTION A) Transparency International Indicator B) Freedom from Corruption Indicator |
| J | SUPPORTIVE FINANCIAL SYSTEM A) Investment Freedom + Financial Freedom B) Banking Sector Indicator C) Financial Market Risk Indicator D) Investment, Portfolio, & Capital Flows Indicator |
| K | ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM (FINANCIAL PRACTICES THAT INCLUDES THE ABOLITION OF INTEREST) A) Absence of Interest Indicator |
| L | OVERALL STATE EFFECTIVENESS IN ACHIEVING ECONOMIC PROSPERITY (GENERAL ECONOMIC PROSPERITY) A) Macro Economic Indicator B) Economic Development Success Indicator C) Degree of Globalization & Trade Indicator D) General Prosperity Indicator |

Sumber: Scheherazade & Hossein Askari (2010)

Jadual 2. Indikator pentadbiran negara Islamik

| AREA | | Subcategory: | Measurement proxy |
|------|----------------------------|--|---|
| A | GOVERNANCE | | |
| | | <i>A. Government Governance</i> | |
| | | | Voice and Accountability Indicator |
| | | | Political Stability and Absence of Violence Indicator |
| | | | Government Effectiveness Indicator |
| | | | Regulatory Quality Indicator |
| | | | Rule of Law Indicator |
| | | | Control of Corruption Indicator |
| B | LEGAL INTEGRITY INDICATORS | | |
| | | <i>A. Legal & Judicial Integrity Indicator</i> | Judicial independence -- the judiciary is independent and not subject to interference by government or parties in dispute |
| | | | Impartial courts-- a trusted legal framework exists for private businesses to challenge the legality of government actions or regulations |
| | | | Integrity of the legal system |
| | | <i>B. Military interference Indicator</i> | Military Interference in Rule of Law and the Political Process Index |

Sumber: Scheherazade & Hossein Askari (2010)

Jadual 3. Indikator Hak Asasi Manusia dan politik Negara Islamik

| AREA | | Subcategory: | Measurement Proxy |
|------|----------------------------|---|--|
| A | CIVIL AND POLITICAL RIGHTS | | |
| | | <i>A. Civil Rights Indicator</i> | Freedom Index |
| | | <i>B. Political Rights Indicator</i> | Freedom Index |
| B | WOMEN'S RIGHTS | | |
| | | <i>A. Woman Rights</i> | Proportion of seats held by women in national parliament (%) UN HDI Seats in lower house or single house held by women (as % of total) UN HDI Seats in parliament held by women (% of total) UN HDI Seats in upper house or senate held by women (as % of total) UN HDI Women in government at ministerial level (as % of total) UN HDI the Year Women Received Right To Vote |
| C | OTHER RIGHTS | | |
| | | <i>A. Military Service Policy Indicator</i> | Use of conscripts to obtain military personnel |
| D | POLITICAL RISK | | |
| | | <i>A. Political Risk</i> | Political Risk-PRC Group- Country Risk |
| E | GENOCIDE PREVENTION | | |
| | | <i>A. Genocide Prevention</i> | UN HDI International Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide |

Sumber: Scheherazade & Hossein Askari (2010)

Jadual 4. Indikator perhubungan antarabangsa negara Islamik

| AREA | | Subcategory: | Measurement Proxy |
|----------|--|---|--|
| A | ENVIRONMENTAL PERFORMANCE INDEX | | |
| | | <i>A. Environmental Index</i> | Environmental Health |
| | | | Air Quality |
| | | | Water Resources |
| | | | Productive Natural Resources |
| | | | Biodiversity and Habitat |
| | | | Sustainable Energy |
| B | GLOBALIZATION INDEX | | |
| | | <i>A. Economic Globalization Indicator</i> | Globalization Index |
| | | | Restrictions |
| | | <i>B. Social Globalization Indicator</i> | Personal Contact |
| | | | Information Flows |
| | | | Cultural Proximity |
| | | <i>C. Political Globalization Indicator</i> | Political Globalization index |
| C | MILITARY/ WARS | | |
| | | <i>A. Proportion of Military Spending Indicator</i> | (Military Expenditures % of GDP/Total Armed Forces) and Armed Forces Index |
| | | <i>B. Military Spending Indicator</i> | Military Expenditure % of GDP/Military Personnel % of total labor force |
| D | OVERALL COUNTRY RISK | | |
| | | <i>A. Country Risk</i> | Overall Country Risk Index |

Sumber: Scheherazade & Hossein Askari (2010)

Manakala di dalam kajian Indikator Pembangunan Ummah, indikator yang digunakan terdiri daripada 7 indikator (Jadual 5), di dalam kajian Indeks Islamisasi pula terdiri daripada 10 indikator (Jadual 6) dan kajian Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja terdiri daripada 7 indikator (Jadual 7).

Jadual 5. Indikator pembangunan ummah

| NO | INDIKATOR |
|----|--|
| 1 | Bilangan masjid per 10 |
| 2 | Bilangan pembayar zakat per 10 |
| 3 | Bilangan pendeposit tabung haji per 10 |
| 4 | Bilangan profesional muslim berdaftar per 10 |
| 5 | Bilangan pelajar sekolah agama yang berdaftar per 10 |
| 6 | Bilangan jenayah integriti per 10 |
| 7 | Bilangan penagih dadah per 10 |

Sumber: Fadilah (2014)

Jadual 6. Indikator indeks Islamisasi

| Descriptions | Variables |
|------------------|---|
| Islamic Faith | Total mosque and surau |
| | Total zakat collection and payers |
| | Total deposit in Tabung Haji and total depositors |
| Islamic Teaching | Adult literacy rate among Muslims |
| | Enrollment rate in Islamic schools |
| Islamic Capital | Total assets of Islamic banks and takaful |
| | Net asset value of PNB |
| | Net asset value of Islamic fund |
| | Malaysia's GDP |
| | Total assets of financial sector in Malaysia |

Sumber: Wan Omar et al. (2014)

Jadual 7. Item tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja

| NO | ITEM |
|----|---|
| 1 | Saya mempunyai keinginan untuk mempelajari dan mendalami ilmu agama |
| 2 | Saya akan rasa bersalah sekiranya tidak bersembahyang |
| 3 | Keluarga saya terdiri daripada orang yang kuat beragama |
| 4 | Saya pernah melibatkan diri dengan aktiviti tidak bermoral |
| 5 | Saya seorang yang kuat berpegang kepada suruhan agama |
| 6 | Saya seorang yang berpengetahuan dalam agama |
| 7 | Saya gemar pergi ke tempat-tempat beribadah |

Sumber: Fauziah Ibrahim et. al (2012)

Indikator-indikator yang digunakan adalah berbeza-beza tetapi menggunakan pendekatan yang digariskan dalam agama Islam kecuali kajian yang dilaksanakan oleh Scheherazade & Hossein Askari (2010) yang bersifat universal. Malah setiap indikator yang digunakan juga adalah universal yang lazim digunakan dalam kajian indeks sosial dan indeks kualiti hidup.

Indeks keislaman di Pulau Pangkor

Kajian Indeks Keislaman di Pulau Pangkor merupakan satu kajian yang dilaksanakan kepada penduduk Islam di Pulau Pangkor yang berumur 21 tahun dan ke atas. Kajian ini melihat tahap kepatuhan agama bagi penduduk di bahagian pulau yang lazimnya tidak terdedah dengan budaya dari tanah besar selain daripada budaya yang dibawa oleh pelancong luar. Kajian ini adalah mengikut Pusat Daerah Mengundi (PDM) bertujuan untuk melihat aras kepatuhan penduduk dari satu perspektif ruangan yang berbeza. Melalui PDM usaha bagi pihak atasan juga adalah lebih mudah untuk mengatasi masalah-masalah semasa penduduk yang berlaku di pulau perlancungan ini.

Demografi responen

Penduduk Pulau Pangkor secara keseluruhan mengikut kepada Majlis Perbandaran Manjung pada tahun 2013 adalah sebanyak 17,162 orang penduduk dan dipelopori oleh dua kaum utama iaitu kaum Cina (48.46%) dan kaum Melayu (41.98%) (Rosmadi Fauzi & Siti Nadira, 2015). Kajian yang dijalankan ini

terdiri daripada 300 responden yang berumur 21 tahun dan ke atas. Dari segi pekerjaan majoritinya adalah nelayan dan peniaga. Selain daripada itu, terdapat juga jumlah peratusan pekerjaan yang sederhana tinggi iaitu responden yang bekerja dalam sektor swasta, sektor awam, guru serta suri rumah. Dari aspek pendapatan pula, majoriti penduduk terutamanya golongan Melayu memperolehi pendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu RM1000 dan ke bawah.

Rekod kedatangan pelancong

Sebagai sebuah pulau pelancongan, Pulau Pangkor menerima kedatangan pelancong dalam dan luar negara yang semakin tinggi. Selain dari aspek kedekatannya dengan bandar raya Kuala Lumpur, pulau ini menjadi satu daya penarik dari sudut pandangan fizikal pulau. Ini kerana keindahan pantai pulau ini masih terpelihara. Pelancong yang kerap kali mengunjungi pulau ini menyatakan mereka tertarik dengan suasana yang tenang dan damai di pulau ini. Jumlah pelancong yang datang juga adalah tinggi berbanding pulau-pulau percutian yang lain (Jadual 8).

Jadual 8. Statistik kedatangan pelancong ke Pulau Pangkor

| Bil | Tahun | Jumlah Pelancong ke Pulau Pangkor |
|-----|-------|-----------------------------------|
| 1 | 2013 | 1,904,785 |
| 2 | 2014 | 1,860,212 |
| 3 | 2015 | 1,985,023 |

Sumber: Unit Pelancongan MPM

Usaha pihak kerajaan dalam meningkatkan kedatangan pelancong dilihat sangat berjaya. Pelbagai aktiviti yang menarik diadakan di pulau ini telah menarik pelancong. Salah satu usaha besar pihak kerajaan adalah dengan menganjurkan Festival Puisi Dan Lagu Rakyat Antarabangsa Pangkor dan Festival makanan Pangkor (PULARA) pada setiap hujung tahun bermula pada tahun 2010.

Indikator indeks keislaman

Indikator indeks keislaman yang digunakan dalam kajian ini melibatkan 19 indikator yang merangkumi rukun Islam, sunnah, tanggungjawab, silaturahim, kepimpinan, sensitiviti, moral dan sahsiah diri. Setiap


Jadual 9. Indikator indeks keislaman Pulau Pangkor

| |
|--|
| Solat 5 waktu |
| Kekerapan membaca Al-Quran |
| Kekerapan mengunjungi masjid |
| Penglibatan dalam kelas agama |
| Memiliki akaun Tabung Haji |
| Penglibatan dengan aktiviti masyarakat dan agama |
| Penglibatan dalam pengurusan jenazah |
| Menjadi Imam atau Bilal |
| Silaturahim dengan jiran |
| Pergaulan dengan keluarga dan saudara mara |
| Tanggungjawab kepada ibubapa |
| Mencegah kemungkaran |
| Sikap toleransi |
| Mengenali salahsilah keluarga |
| Kekerapan pulang ke kampung |
| Makan bersama keluarga |
| Mentaliti diantara kerjaya dan keluarga |
| Pandangan berkenaan hudud |
| Pandangan berkenaan kalimah ALLAH |

indikator ini diberikan nilai pemberat yang berbeza-beza mengikut kepada kepentingan indikator tersebut dalam asas-asas keislaman. Berikut adalah senarai indikator yang digunakan (Jadual 9).

Model indeks keislaman

Model Indeks ini adalah model yang berasaskan pengiraan nilai indeks bagi setiap unit PDM dan membentuk pembahagian nilai indeks kepada beberapa tahap atau peringkat. Rangka model indeks (Rajah 4.1) menjelaskan secara ringkas bermula dengan nilai asal dapatan data melalui soal selidik yang dijalankan. Nilai asal ini kemudiaannya diseragamkan sebelum diberikan pemberat. Dapatan akhir adalah satu indeks komposit bagi keseluruhan indikator. Model Indeks ini dibangunkan dengan menggunakan aplikasi GIS.



Sumber: Siti Nadira et.al (2015)


Rajah 3. Model indeks

Perbincangan

Perbincangan yang dinyatakan di dalam bab ini adalah berkenaan dapatan kajian secara deskriptif bagi beberapa isu utama dalam konteks kepatuhan agama serta dapatan utama iaitu Indeks Keislaman di Pulau Pangkor mengikut PDM. Daripada dapatan tersebut, terdapat beberapa isu penting yang harus diambil tindakan susulan oleh semua pihak agar isu ini tidak memberikan kesan yang lebih besar ke atas penduduk di pulau ini.


Dapatan kajian

Dapatan pertama daripada kajian ini adalah dari indikator yang utama iaitu perlaksanaan solat 5 waktu. Solat 5 waktu setiap hari ini adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan. Namun dapatan kajian menunjukkan bahawa 25% responden iaitu 15 orang yang berumur 21-30 tahun yang gagal melengkapkan solat 5 waktu.




Rajah 4. Peratusan responden yang melaksanakan solat 5 waktu mengikut umur

Dari aspek kebersediaan melengkapkan rukun Islam yang kelima pula boleh dilihat secara proksi daripada dapatan kajian kedua iaitu memiliki Akaun Tabung Haji. Isunya di sini adalah golongan yang berpendapatan RM1000 ke bawah dan tiada pendapatan tertinggi belum membuka akaun.



Rajah 5. Peratusan responden memiliki akaun tabung haji


Dapatan ketiga pula adalah kekerapan membaca Al-Quran iaitu satu mukjizat besar yang diterima Rasulullah sallallahu alaihi wasallam. Di sini secara proksinya dapat melihat kepentingan agama kepada responden, dimana kitab suci ini dibuka adalah kerana pilihan sendiri. Dapatan mendapati bahawa kekerapan membaca Al-Quran adalah sederhana dan majoriti yang membaca setiap hari adalah warga tua iaitu 51 tahun dan ke atas.



Rajah 6. Kekerapan responden membaca Al-Quran


Dapatan keempat pula adalah kekerapan mengunjungi masjid. Majoriti besar yang mengunjungi masjid setiap hari adalah yang berumur 51 tahun dan ke atas, manakala yang mengunjungi masjid

seminggu sekali adalah dapatan tertinggi. Di antara faktornya adalah pekerjaan sebagai nelayan.




Rajah 7. Kekerapan responden mengunjungi masjid mengikut umur

Dapatan kelima adalah satu dapatan persepsi penduduk iaitu pengambilan arak dan penyalahgunaan dadah. Isu ini adalah salah satu isu yang hangat di pulau ini dan golongan yang terlibat adalah golongan muda. Dapatkan mendapati bahawa 75% responden merasakan isu ini sesuatu yang bermasalah di pulau ini.




Rajah 8. Peratusan pengambilan arak dan penyalahgunaan dadah

Dapatan keenam pula adalah berkaitan telah mengikuti kursus pra perkahwinan bagi responden bujang dan beragama Islam. Dapatan ini adalah satu proksi kepada kebersediaan golongan muda bujang dalam menggalas tanggungjawab dalam mendirikan rumah tangga. Daripada dapatan, peratusan yang masih belum mengikuti kursus ini adalah sangat tinggi iaitu 67% di mana golongan lelaki adalah lebih kritikal berbanding perempuan (Rajah 9 dan 10). Melalui dapatan juga mendapati bahawa golongan yang berpendapatan RM1000 ke bawah tertinggi pernah mengikuti kursus iaitu 59% manakala golongan yang tiada pendapatan 100% belum pernah mengikuti kelas tersebut.




9. Peratusan responden bujang Kursus Pra Perkahwinan



Rajah 10. Peratusan Jantina yang Mengikuti Kursus Pra Perkahwinan

Dapatan ketujuh adalah responden yang pernah menjadi imam atau bilal. Proksi kepada dapatan ini adalah untuk melihat tanggungjawab, kepimpinan dan khalifah dalam Islam. Ini kerana imam atau bilal ini sangat penting dalam mengetua rukun Islam kedua iaitu solat. Malah golongan ini juga yang dekat dengan masjid. Namun begitu, dapatan kajian mendapati bahawa majoriti besar semua peringkat umur 21 tahun sehingga 50 tahun tidak pernah menjadi imam atau bilal.




Rajah 11. Peratusan responden mengikut umur yang pernah menjadi Imam atau Bilal

Indeks keislaman di Pulau Pangkor mengikut PDM

Dapatan kajian analisis mendapati bahawa terdapat empat tahap indeks keislaman di Pulau Pangkor iaitu sederhana tinggi, sederhana, sederhana rendah dan rendah. PDM Telok Gedong dan Pasir Bogak mencatatkan nilai indeks keislaman pada tahap sederhana tinggi, PDM Pekan Pangkor pada tahap sederhana, PDM Sungai Pinang Besar pada tahap sederhana rendah dan yang terakhir PDM Sungai Pinang Kechil pada tahap rendah (Rajah 12). Secara keseluruhan indeks keislaman di Pulau Pangkor adalah dalam keadaan sederhana dan tiada PDM yang mencatatkan tahap tertinggi.

Bahagian selatan pulau dilihat mempunyai indeks keislaman yang lebih tinggi dan beransur rendah ke bahagian utara. Tingginya indeks keislaman di bahagian selatan ini adalah kerana faktor lokasi di sini adalah kawasan perkampungan orang Melayu. Malah di lokasi ini juga terdapat satu masjid yang paling besar iaitu Masjid Kg Telok Bayang. Meskipun terdapat satu lagi masjid di Sungai Pinang Kechil, namun masjid di sini tidak seaktif Masjid Kg Telok Bayang. Masjid ini sering menganjurkan pelbagai aktiviti dan ceramah agama untuk penduduk. Lokasi masjid yang hampir ini juga secara tidak langsung meningkatkan indeks keislaman penduduk di bahagian selatan pulau.

Di bahagian selatan pulau ini juga, ciri-ciri kehidupan kampung masih sangat kuat dan kurangnya pencemaran budaya dari pelancong. Ini kerana lokasi penginapan pelancong kebanyakannya adalah di Teluk Nipah iaitu di bahagian PDM Sungai Pinang Besar. Pelancong yang datang ke bahagian selatan kebiasaannya hanya singgah di beberapa lokasi kawasan bersejarah untuk mengambil gambar sahaja dan tidak menetap di kawasan ini.



Rajah 12. Peta Indeks Keislaman mengikut PDM di Pulau Pangkor

Oleh yang demikian, dapatan utama terhadap kajian ini adalah menunjukkan bahawa PDM Telok Gedong dan PDM Pasir Bogak adalah PDM dengan indeks keislaman yang paling tinggi iaitu sederhana tinggi. Keperluan adalah sangat penting untuk mengkaji tahap kepatuhan agama pada peringkat yang lebih kecil seperti PDM agar langkah susulan juga adalah lebih jelas dan mudah untuk dilaksanakan.

Rumusan

Pulau Pangkor mempunyai beberapa isu yang agak serius melalui beberapa dapatan yang ditunjukkan. Dapatan-dapatan ini banyak berkait rapat dengan tahap kepatuhan dan kepimpinan golongan muda, iaitu golongan pelapis masa hadapan. Isu utama berkenaan kewajipan dalam rukun Islam adalah sangat penting untuk di atasi dan diberi perhatian. Usaha dari semua pihak adalah sangat penting dalam menangani isu-isu ini.

Kesimpulan

Rumusan terhadap kajian indeks keislaman di Pulau Pangkor adalah satu dapatan yang sangat penting. Ini kerana telah berlaku banyak pencemaran budaya yang kurang disedari sehingga memberikan kesan yang negatif kepada golongan muda khususnya. Jika dibuat perbandingan di antara golongan muda dan golongan tua, kajian mendapati bahawa golongan tua masih tinggi kepatuhan terhadap agama Islam tetapi golongan muda menunjukkan tahap kepatuhan yang rendah. Ini satu dapatan yang memerlukan perhatian khusus dari semua pihak.

Indeks keislaman adalah satu pendekatan yang sangat baik untuk dilaksanakan secara menyeluruh kerana indeks keislaman ini menepati semua aspek kehidupan seorang muslim. Melalui dapatan indeks keislaman ini langkah susulan dari pihak yang bertanggungjawab adalah lebih mudah untuk dilaksanakan. Pulau Pangkor memerlukan perhatian yang lebih khusus dari aspek keagamaan terutamanya terhadap golongan muda yang semakin terdedah dengan budaya yang tidak sihat.

Kajian yang mengukur tahap keislaman ini perlu untuk dipergiatkan dan diteruskan lagi. Ini adalah sangat penting dalam melihat hala tuju golongan muda khususnya dalam aspek keagamaan dan kepimpinan. Cadangan lain adalah kajian indeks keislaman ini juga boleh digabungkan dengan indikator yang bersifat universal. Ini kerana semua aspek universal juga sebenarnya secara tidak langsung berada di bawah indeks keislaman.

Rujukan

- Abdul Manaf Bohari (2014) *Indeks keislaman: Realiti atau provokatif?* Arkib Utusan Online. Available from: http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140623/re_02/Indeks-Keislaman-Realiti-atau-provokatif.
- Elmi Baharuddin, Zainab Ismail (2013) Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. *Islamiyat* 35(1), 19-28.
- Elsa Sereke Tesfazghi, Martinez JA, Verplanke JJ (2009) Variability of Quality of Life at Small Scales: Addis Ababa, Kirkos Sub-City. Available from: Springerlink.com.
- Erdhina Putri Riyanti, Endang Kiswara (2014) Perbandingan Indeks Pelaporan Sosial Keislaman Antara Bank-Bank Umum Syariah di Indonesia. *Diponegoro Journal of Accounting* 3(3), 1-10.
- Fahrul Irfan Ishak (t.t) *Islam dan Konsep-Konsep Asas Islam*. Universiti Putra Malaysia. Available from: <http://upm.academia.edu/firfansishak/Teaching-Documents>.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alari, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremu Md Akhir, Salina Nen (2012) Memperkasa Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities* 7(1), 084-093
- Khaidzir Ismail, Khairil Anwar (2011) Psikologi Islam: Suatu Pendekatan Psikometrik Remaja Berisiko. *Jurnal E-Bangi* 6 (1), 77-89.
- Laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999) *Kualiti Hidup Malaysia 1999*. Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

- Mohd Nasir Masron, Siti Norlina Muhammad, Siti Aisyah Panatik (2013) Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa. *Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13)*. Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru.
- Rosmadi Fauzi, Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah (2015) Quality of Life Issues on Pangkor Island, Malaysia. *Scholars Bulletin* **1**(11), 285-290.
- Scheherazade S. Rehman, Hossein Askari (2010) An Economic Islamicity Index. *Global Economy Journal* **10** (3) Art 1.
- Scheherazade S. Rehman, Hossein Askari (2010) How Islamic are Islamic Countries? *Global Economy Journal* **10** (2) Art 2.
- Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah, Rosmadi Fauzi, Jamilah Mohamad (2015) Membina Model Indeks Kesejahteraan Hidup Penduduk Bagi Semenanjung Malaysia. *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space* **11** (4), 87-96.
- Unit Pelancongan MPM (t.t). Available from: <http://www.mpm.gov.my/statistikpelancong>.
- Wan Omar WA, Fauzi Hussin, Asan Ali GH (2014) The Trend Analysis Of Islamization In Malaysia Using Islamization Index As Indicator. *Asian Economic and Financial Review* **4**(10), 1298-1313.
- Wan Ibrahim WA, Zainab Ismail, Muhammad Hafeez Z, Siti Hawa Hamdan, Faraha Abdullah, Noredayu AG, Noraini MT (2014) Kepatuhan Agama Asas Pembentukkan Tamadun Ummah: Kes Tahap Kepatuhan Agama Warga Tua Wanita Felda Chiku, Kelantan. *Jurnal Hadhari Special Edition*, pp. 79-89.
- Yedi Yurwanto (2014) Memaknai Pesan Spiritual Ajaran Agama dalam Membangunkan Karakter Kesalehan Sosial. *Jurnal Sosioteknologi* **13**(1), 41-46.